



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**07 DISEMBER 2017 (KHAMIS)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Sinar Harian</b>	
- Gesa MPAJ jawab 6 soalan	21
<b>Chinapress</b>	
- Program bayaran telefon bimbit untuk tempat letak kereta	C1
<b>Berita Harian</b>	
- MPAJ digesa jawab 6 isu projek	75



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>07 DISEMBER 2017 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Gesa MPAJ jawab 6 soalan
Muka Surat	21

SINAR HARIAN • KHAMIS 7 DISEMBER 2017  
HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT:  
ISMADI ISMAIL - 019 3371003

**AMPANG . HULU LANGAT**

SH m/s 24  
7/12/2017

# Gesa MPAJ jawab 6 soalan

Gapenas beri tempoh 2 minggu dapatkan respons

**PANDAN INDAH** - Pertubuhan Gerakan Penegak Suara Selangor (Gapenas) gesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjawab enam persoalan berkaitan dakwaan tender, pendedahan pegawai MPAJ dipercayai korup dan kelulusan projek yang menyebabkan banjir warga asing di Gombak.

Pengerusi Gapenas, Nasiruddin Mohamed berkata, pihaknya memberi tempoh dua minggu kepada Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain untuk menjawab kesemua persoalan itu secara terbuka.

"Jika Abd Hamid enggan menjawab persoalan itu, kami akan bersemuka dengan beliau. Saya juga berharap beliau tidak bersikap lepas tangan dan meneliti isu ini secara serius untuk memastikan integriti MPAJ tidak tercalar," katanya.

Nasiruddin berkata, soalan pertama, adalah mengenai kelulusan tender projek pembangunan pusat konvensyen MPAJ di Taman Melawati yang telah diperuntukkan di kawasan dipercayai masih bertanda hijau iaitu kawasan rekreasi atau bukan pembangunan.

"Soalan kedua pula mengenai nombor lot tanah pembangunan pusat konvensyen itu yang dipercayai ber-



Nasiruddin menyerahkan surat terbuka kepada Norhayati.

**INFO** • Pihak Gapenas sedia bersemuka dengan Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain

canggih dengan isu tawaran tender tersebut. Sementara, soalan ketiga berhubung pembayaran dua kali kepada perunding melibatkan pembaziran jutaan ringgit yang pembayar cukai.

"Soalan keempat yang kami perlukan adalah penjelasan kenapa janji asal ketika Rancangan Tempatan pada 2014 kepada penduduk Taman Melawati mengenai pembinaan taman rekreasi awam dipercayai telah ditukar kepada pusat konvensyen yang kini tidak dikehendaki rakyat di kawasan perumahan itu," katanya.

Katanya, pihaknya juga sedia maklum berhubung dakwaan salah seorang pekerja di sebuah tapak binaan bahawa salah seorang pegawai MPAJ yang dipercayai terlibat dalam rasuah.

"Dakwaan itu berlaku semasa lawatan penduduk Taman Melawati, Razman Abdullah bersama sebuah NGO, baru-baru ini. Ini adalah tuduhan berat, jika perkara ini fitnah, MPAJ wajib buat laporan polis.

"Soalan terakhir mengenai peranan MPAJ dalam meluluskan projek yang akan mengakibatkan banjir warga asing," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad telah mewakili Abd Hamid menerima surat terbuka berkenaan.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>07 DISEMBER 2017 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Program bayaran telefon bimbit untuk tempat letak kereta
Muka Surat	C1

## 逾4萬人使用 · 省9824公斤固本

# 手機程式付費

## 更環保

雪蘭莪5个地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

雪蘭莪地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

雪蘭莪地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

地方政府	固本 (一英)	固本减少量 (公斤)	用户 (个)	推行日期	泊车位
雪邦市议会	63万9494	1918.48	4458	2016年8月	3000
沙阿南市政厅	239万2901	7178.71	1万5520	2017年1月	3万4000
安邦再也市议会	-	1万7900	2017年5月	-	-
士拉央市议会	17万3997	539.69	4939	2017年8月	1万2000

雪蘭莪5个地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

雪蘭莪5个地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

雪蘭莪5个地方政府采用手机缴付泊车应用程序“Flexi Parking”付费，简单又方便。左起为莫哈末阿曼夫、阿都拉曼、达姆及罗明。

### 掃描條碼線上繳罰單

僅限士拉央加影市議會

雪蘭莪地方政府推出手机应用程序缴付泊车费，提供民众更大便利。

雪蘭莪地方政府推出手机应用程序缴付泊车费，提供民众更大便利。

雪蘭莪地方政府推出手机应用程序缴付泊车费，提供民众更大便利。

#### 全國統一使用

★ 蔡廣生 (28岁, 保险代理)

以前使用手机应用程序缴付泊车费，但我认为不会全国通用。目前我们到不同地方，就要选择不同的中议会。加影才刚开始，我的流动资产就抵押，很不方便。我就同时用手机应用程序缴付泊车费，且会在泊车时随时付款，避免忘记付款。

#### 會嘗試去瞭解

★ 陳文 (28岁, 手机店业者)

我知道安邦再也市议会已经使用手机应用程序缴付泊车费，但我还没下。目前我在用固本付费，我会去尝试了解付款方式，相信会比较方便。

#### 隨時隨地付費

★ 楊秀芳 (38岁, 保险代理)

我在吉隆坡地区有使用手机应用程序缴付泊车费，方便极了。雪州皮不知道用手机应用程序缴付泊车费，所以一般使用固本。如今知道了就会下载使用，因为很方便，可以随时随地付费。

#### 一直使用固本

★ 黃清敏 (23岁, 学生)

我不知道用手机应用程序缴付泊车费，一直以来都是用固本付费。如果可以方便上网付费，我也会尝试。

#### 沒想過要下載

★ 何麗儀 (24岁, 保险代理)

我住在无拉港，还在使用电子自动缴费器付款。我知道用手机应用程序可缴费，但我不想下载，因为不想麻烦手机。但我会去深入了解这手机应用程序。

#### 固本付費方便

★ 罗玉梅 (59岁, 家庭主妇)

我知道现在科技发展，手机应用程序缴付泊车费，但我不会使用，因为觉得固本付费比较方便。

#### Sunice 全效节能 自助式饮水机

冷热冲饮、冷热直饮、冷热泡茶、冷热咖啡、冷热豆浆、冷热果汁、冷热牛奶、冷热冰沙、冷热冰棒、冷热冰棍、冷热冰球、冷热冰块、冷热冰晶、冷热冰沙、冷热冰棒、冷热冰棍、冷热冰球、冷热冰块、冷热冰晶。

#### RESTORAN CI 喜愛酒家

11 國上層  
2 附三層樓  
3 附二層樓  
4 附一層樓  
5 附地庫  
6 附地庫  
7 附地庫  
8 附地庫  
9 附地庫  
10 附地庫  
11 附地庫

#### Midea 美菱 冷熱飲水機

接嘴式安裝 · 內置4層過濾系統  
**RM35\***  
 免費 安裝及人工  
 免費 產品維修  
 免費 更換濾芯

1300-801-801 (0-24小時)  
 016-2230 284



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>07 DISEMBER 2017 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ digesa jawab 6 isu projek
Muka Surat	75

## **MPAJ digesa jawab 6 isu projek**

**Ampang:** Pertubuhan Gerakan Penegak Suara Selangor (Gapenas) menggesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjawab enam persoalan membabitkan isu projek pembangunan di Ampang.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu juga memberi tempoh 14 hari kepada MPAJ untuk memberi penjelasan berhubung isu lain termasuk dakwaan tender, penyelewengan membabitkan kelulusan projek dan kelulusan projek menyebabkan banjir warga asing di Gombak.

Pengerusi Gapenas, Nasiruddin Mohamed, berkata pihaknya menggesa Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussein menjawab persoalan itu dan mahu berjumpa sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh diberikan.

“Antara enam soalan itu termasuk projek pembangunan Pusat Konvensyen MPAJ seharusnya selari dengan aturan Rancangan Tempatan (RT) yang dibuat MPAJ.

“Merujuk pada lokasi kawasan cadangan pembinaan pusat konvensyen di Taman Melawati itu, ia diperuntukkan sebagai kawasan bertanda hijau iaitu kawasan rekreasi dan bukan pembangunan,” katanya ketika menyerahkan surat terbuka pertanyaan itu kepada Pegawai Perhubungan Awam MPAJ, Norhayati Ahmad di Lobi MPAJ, di sini, semalam.

Nasiruddin berkata, nombor lot tanah pembangunan pusat konvensyen itu juga bercanggah, selain pembayaran khidmat perunding hartanah mencecah jutaan ringgit.